

SIARAN MEDIA

**Institut Penyelidikan Khazanah Menggesa Rakyat untuk Mengubah
Persepsi Kita Terhadap Kepentingan Beras dan Status Jaminan Makanan
Negara**

Kuala Lumpur, 10 April 2019 – Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) hari ini telah melancarkan penerbitan terkininya bertajuk “*The Status of the Paddy and Rice in Malaysia*” (KRI Rice Report) dalam sesi perbincangan mengenai isu “The State of Food in Malaysia”.

Laporan tersebut, yang diketuai oleh penyelidikinya, Dr Sarena Che Omar, *Research Associate*, bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantai bekalan. Isu-isu utama yang diketengahkan dalam laporan ini termasuklah konsep jaminan makanan (*food security*), varieti padi, memupuk kepercayaan antara pengilang dan petani serta memahami pola pemakanan nasi.

Dapatan utama daripada laporan tersebut adalah:

- **Jaminan makanan negara bukan hanya melibatkan pengeluaran beras.** Ia bersifat multidimensi, meliputi aspek ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan dan kestabilan. Pengeluaran dan tahap sara diri beras (iaitu tahap kebolehpayaan menghasilkan beras bagi memenuhi penggunaan tempatan) hanya meliputi dimensi ketersediaan. Tambahan pula, ia tidak dapat mengambil kira kepentingan nutrisi makanan lain. Sudah tiba masanya agar sasaran polisi berkaitan pertanian dan makanan diperluaskan merangkumi faktor kualiti makanan seperti pertanian lestari, keselamatan makanan dan nutrisi dalam pengeluaran padi serta makanan lain.
- **Industri padi lemah disebabkan wujud pengutamaan kepada segmen tertentu sahaja.** Untuk benar-benar melindungi 200,000 petani padi dan 31 juta pengguna, kepercayaan dan pengukuhan keseluruhan rantai bekalan haruslah dipupuk. Memfokuskan hanya kepada petani atau pengguna dengan tidak mengendahkan segmen lain, hanya akan melemahkan industri padi. Dengan mengamalkan amalan pengurusan ladang berdasarkan hasil menang-menang (*win-win outcome*) antara petani dan pengilang, dan teknologi yang membolehkan ketersediaan dan ketelusan data, industri padi negara akan dapat diperkukuhkan. Penggunaan model pertanian kontrak (*contract farming*) dan teknologi *Blockchain* boleh diperluaskan dalam usaha mencapai sasaran ini.
- **Malaysia ketinggalan dalam penghasilan varieti padi baharu.** Berbanding negara-negara pengeluar beras yang lain, Malaysia menghasilkan jumlah varieti padi yang lebih kecil. Hal ini membataskan keupayaan petani untuk memilih varieti yang paling sesuai mengikut ekosistem ladang mereka yang boleh berubah dari semasa ke semasa, lantas mengehadkan potensi pengeluaran padi mereka. Lebih kurang 10 hingga 12 tahun diperlukan untuk menghasilkan satu varieti padi baharu. Oleh itu, kebergantungan pengeluaran varieti padi baharu tidak seharusnya hanya terletak pada bahu Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) sahaja. Penyertaan pembiak baka daripada sektor swasta dan universiti perlu digalakkan bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran varieti baharu. Ini dapat dilakukan dengan

mengemaskini serta mengkaji semula proses dan jawatankuasa teknikal yang terlibat dalam pengisytiharaan varieti tanaman baharu. Proses ini perlu dikongsi dengan cara yang mudah difahami, telus dan tersedia untuk pengetahuan umum.

- **Golongan miskin, penduduk luar bandar dan bukan warganegara adalah pengguna yang paling terdedah kepada perubahan bekalan dan harga beras.** Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40), penduduk luar bandar dan bukan warganegara memperuntukkan peratusan perbelanjaan bulanan makanan dan minuman mereka yang lebih tinggi kepada beras, berbanding kumpulan yang lain. Bagi sesetengah pengguna seperti pekerja asing tanpa dokumen, keperluan makanan ruji mereka tidak diketahui (*invisible*), justeru menyebabkan mereka kurang diberi perhatian dan lebih terdedah kepada risiko jaminan makanan. Dasar yang lebih inklusif harus mengambil berat kedua-dua jenis pengguna, iaitu pengguna yang dapat dikesan (*visible consumers*) dan yang tidak dapat dikesan (*invisible consumers*).

"Untuk mengukuhkan industri padi dan beras, kita harus memastikan bahawa tiada segmen rantaian bekalan atau mana-mana komuniti di negara ini ditinggalkan", kata Dr Sarena.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai industri padi dan beras di Malaysia, layari laman web KRI di www.krinstitute.org untuk laporan lengkap dan ringkasan infografik.

-TAMAT-

MENGENAI INSTITUT PENYELIDIKAN KHAZANAH

Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), yang ditaja oleh Khazanah Nasional Berhad, adalah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang digabungkan sebagai sebuah syarikat yang dibatasi oleh jaminan. Objektif Institut adalah untuk menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu mendesak negara dan, berdasarkan penyelidikan tersebut, mencadangkan dasar diambil tindakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai KRI, layari www.krinstitute.org.

Ikuti KRI di media sosial untuk sebarang info mengenai penyelidikan kami yang terkini :



@KRInstitute



@KRInstitute atau www.facebook.com/KRInstitute/



Khazanah Research Institute



@krinstitute